



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**22 OGOS 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,638 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **121,956 kes**. Sebanyak 16 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lapan (8) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Keningau manakala Penampang, Papar dan Putatan masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 903 menjadikan jumlah kumulatif 97,031 orang. Seramai 4.874 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,342 orang di hospital, 3,502 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 11 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 163 orang dan 73 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (2,638) kes iaitu penurunan sebanyak (-13) kes berbanding (2,651) kes yang dicatatkan semalam (21 Ogos 2021).
- b. Jumlah kes harian bagi Sabah tidak banyak berubah. Hari ini jumlah kes ialah (2,638) kes dengan daerah Kota Kinabalu melonjak kepada (883) kes, (+214) kes lebih tinggi daripada semalam. Hampir 66% kes tersebut adalah melalui Saringan Kontak Rapat dan 25% melalui Saringan Bergejala. Tawau mencatat (259) kes, Penampang 210 (-196) kes, Tuaran 193 (-54) kes, Sandakan (178) kes, Kinabatangan 111 (+35) kes, Putatan (94) kes, Beaufort 89 (+55) kes, Keningau (82) kes, Lahad Datu 73 (-27) kes, Kota Marudu 71 (+23) kes, Papar 49 (-81) kes dan Tongod 42 (+42) kes.
- c. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, bukan semua kes yang dilaporkan hari ini berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. (369) kes atau 14% adalah kes-kes tertunggak melebihi 5 hari, (378) kes atau 14.3% melebihi 4 hari dan (892) kes atau 33.8% adalah kes-kes yang lewat didaftar melebihi 2 hari.
- d. Daripada (2,638) kes hari ini, 62.13% atau (1,639) kes merupakan Kontak Rapat, 23.16% atau (611) kes melalui Saringan Bergejala dan 6.03% atau (159) daripada Saringan Kluster.
- e. (1,550) kes atau 58.8% pesakit adalah dalam Kategori 2, (991) kes atau 37.6% dalam Kategori 1, (12) kes dalam Kategori 3, enam (6) kes dalam Kategori 4 dan tujuh (7) kes dalam Kategori 5.
- f. Setakat semalam (21 Ogos 2021), 51.7% penduduk dewasa Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 29.3% melengkapkan kedua-dua dos.

g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,639) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	159	6.03%
2	Bergejala	611	23.16%
3	Kontak	1,639	62.13%
4	Bersasar	22	0.83%
5	Lain-lain	207	7.85%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,638</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 21/08/2021</b>	<b>Catatan Kes 22/08/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	669	883	+214
2	Beaufort	34	89	+55
3	Tongod	0	42	+42
4	Kinabatangan	76	111	+35
5	Kota Marudu	48	71	+23
6	Tawau	240	259	+19
7	Kunak	9	24	+15
8	Pitas	11	23	+12
9	Sipitang	29	40	+11
10	Tenom	14	24	+10
11	Kota Belud	48	56	+8
12	Nabawan	23	28	+5
13	Sandakan	178	178	Kekal
14	Kuala Penyu	6	6	Kekal
15	Penampang	406	210	-196
16	Papar	130	49	-81
17	Tuaran	247	193	-54
18	Kudat	43	14	-29
19	Lahad Datu	100	73	-27
20	Beluran	36	15	-21
21	Telupid	27	12	-15
22	Kalabakan	31	17	-14
23	Ranau	45	32	-13
24	Keningau	87	82	-5
25	Tambunan	9	5	-4
26	Putatan	96	94	-2
27	Semporna	9	8	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>2,651</b>	<b>2,638</b>	<b>-13</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (08 Ogos - 21 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	580	221	10	72	883	6,332
Tawau	0	159	90	0	10	259	3,137
Penampang	0	128	46	0	36	210	2,896
Tuaran	0	158	26	4	5	193	2,018
Sandakan	1	47	71	8	51	178	2,114
Kinabatangan	91	20	0	0	0	111	704
Putatan	0	58	30	0	6	94	769
Beaufort	0	79	9	0	1	89	655
Keningau	0	66	14	0	2	82	1,377
Lahad Datu	22	36	10	0	5	73	832
Kota Marudu	0	68	2	0	1	71	427
Kota Belud	7	45	4	0	0	56	931
Papar	0	19	27	0	3	49	1,086
Tongod	16	13	13	0	0	42	318
Sipitang	6	24	7	0	3	40	801
Ranau	6	23	2	0	1	32	398
Nabawan	2	22	1	0	3	28	180
Tenom	6	11	4	0	3	24	376
Kunak	0	10	14	0	0	24	233
Pitas	0	22	1	0	0	23	198
Kalabakan	0	7	10	0	0	17	319
Beluran	0	12	3	0	0	15	540
Kudat	0	11	2	0	1	14	208
Telupid	0	8	3	0	1	12	408
Semporna	0	8	0	0	0	8	128
Kuala Penyu	2	2	1	0	1	6	122
Tambunan	0	3	0	0	2	5	157
<b>JUMLAH</b>	<b>159</b>	<b>1,639</b>	<b>611</b>	<b>22</b>	<b>207</b>	<b>2,638</b>	<b>27,664</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Daerah</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Jumlah Kes Baharu</b>
Kota Belud	Kluster Tempasuk Kota Belud	7
Nabawan	Kluster Sarikan	2
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	6
Tenom	Kluster Sibulu	6
Kuala Penyu	Kluster Batu Linting	2
Ranau	Kluster Gunsapau	2
	Kluster Timbua	4
Sandakan	Kluster Lebu Empat	1
Lahad Datu	Kluster Segama Batu 1	11
	Kluster Sawit Baiduri	10
	Kluster Centawan	1
Tongod	Kluster Jalan Corak	1
	Kluster Kampung Penangah	15
Kinabatangan	Kluster Pauh	76
	Kluster Tinabau	15
<b>JUMLAH</b>		<b>159</b>

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Kg Penangah - Tongod** merupakan kluster jenis komuniti. Kes indeks adalah petani, lelaki, 76, dengan sejarah penyakit darah tinggi dan masalah kulit. Kes indeks disahkan positif COVID-19 RTK-Ag (Kit Ilix) di Klinik Kesihatan Penangah pada 17 Ogos 2021, setelah mengalami simptom demam, batuk dan sakit kepala. Siasatan awal mendapati pada 12 Ogos 2021 kes indeks mempunyai pergerakan ke luar daerah (Sandakan) untuk mendapatkan rawatan penyakit kulit dan mula bergejala pada 15 Ogos 2021. Siasatan seterusnya mengesan 14 kes positif dalam kalangan kontak rapat di sekitar kediaman kes indeks. Setakat hari ini, jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini ialah 35 kes termasuk 15 kes baharu hasil saringan terhadap 76 individu. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan oleh pasukan siasatan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada penduduk kampung yang berdekatan.

7 Jumlah kapasiti katil 6,878 unit

- Hospital 1,392 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,814 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.70%.



## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 OGOS 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,553
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	14
Orang Dalam Tahanan /Banduan	71
<b>Jumlah</b>	<b>2,638</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	6
Sarawak	1
WP Labuan	2
Melaka	1
WP Kuala Lumpur	1
Johor	1
Perak	2
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,250
Bukan Malaysia	388
<b>Jumlah</b>	<b>2,638</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	743
Belum Menerima Vaksin	958
Menerima 1 Dos	561
Lengkap 2 Dos	349
<b>Jumlah</b>	<b>2,638</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	30
1 to 5	210
6 to 17	503
18 to 59	1,716
>60	179
<b>Jumlah</b>	<b>2,638</b>

### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 22 Ogos 2021)
1	Tawau	31
2	Kota Kinabalu	20
3	Tuaran	12
4	Kota Belud	11
5	Beluran	6
6	Penampang	5
7	Sipitang	5
8	Keningau	3
9	Kota Marudu	3
10	Ranau	3
11	Beaufort	2
12	Kinabatangan	2
13	Kudat	2
14	Papar	2
15	Putatan	2
16	Tenom	2
17	Telupid	1
18	Lahad Datu	1
19	Nabawan	1
20	Tambunan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>115</b>

### D GESAAN KEPADA MASYARAKAT AGAR MEMBUAT SARINGAN KENDIRI ATAU KE MANA-MANA PUSAT KESIHATAN SEKIRANYA MENGALAMI SIMPTOM COVID-19

- 1 Sesiapa yang mempunyai gejala COVID-19 diminta membuat saringan sendiri atau datang ke pusat kesihatan yang terdekat untuk menjalani ujian saringan COVID-19 dengan kadar segera dan menjalani pengasingan diri /kuarantin serta merta. Ini bagi mengelakkan jangkitan kepada orang di sekeliling termasuk ahli keluarga secara tanpa sedar.
- 2 Sejak akhir-akhir ini, banyak berlaku jangkitan baharu berlaku secara tidak disedari oleh pembawa yang sama ada tidak bergejala atau hanya bergejala ringan.

## E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Buanog Matunggong, Kudat	24 Ogos 2021	6 September 2021
2.	Kampung Balung Cocos, Tawau		

## F PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Kampung Pukat Tanjung Batu Laut, Tawau	23 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 24 Ogos 2021 sehingga 6 September 2021
2.	Taman Semarak Indah, Tawau		

## G PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none"><li>Blok 11 Kampung Titingan</li><li>Kampung Rawa-rawa Batu 4.</li></ul>	10 Ogos 2021	Ditamatkan pada 23 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Dua (2) kawasan perumahan ladang di Kalabakan <ul style="list-style-type: none"><li>Perumahan Ladang Kapur, Benta Wawasan</li><li>Perumahan Ladang Serudung, Usahawan Borneo</li></ul>		

## H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **19,898** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,396,353 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **35,246** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 768,023 orang.

- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 11,173 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,513,906 (Mysejahtera 1,431,835 : Laman Web 81,725 : Talian Vaksinasi 346) bersamaan 54.9%.

## **I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **443,669** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 170 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,461 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 178 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 21 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Dua (2) Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Empat (4) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan *Hand Sanitizer*
  - 13 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Menyediakan Laluan Keluar Masuk
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 80 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 22 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan 196.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 910 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis di keluarkan pada hari ini.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 70 premis perniagaan dan 104 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan meletakkan kerusi / meja luar premis di Dhazli Curry House, Ground Floor, Lot C3-0-1, Taman Indah Permai, Jalan Sepanggar. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu.
  
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 300 Premis Perniagaan melibatkan 150 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan.
  
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 196 lokasi.
  
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 16 premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.
  
- 8 Sejumlah 260 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
  
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 227 hebahan di seluruh Sabah.

## K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Kunak	97%
3	Beluran	96.5%
4	Kinabatangan	96%
5	Ranau	96%
6	Tenom	96%
7	Kota Belud	96%
8	Sipitang	96%
9	Kudat	95.5%
10	Papar	95.5%
11	Tuaran	95%
12	Kota Marudu	95%
13	Keningau	95%
14	Beaufort	95%
15	Sandakan	95%
16	Lahad Datu	94%
17	Penampang	94%
18	Kota Kinabalu	94%
19	Tawau	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**